

10 NOV 2000

Ong-Meknisme

NEGERI SETUJU SERAGAM MEKANISME PEMBANGUNAN TANAH TINGGI

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Kerajaan-kerajaan negeri bersetuju untuk menerima cadangan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengenai penyeragaman mekanisme dan prosedur bagi membangunkan kawasan tanah tinggi dan lereng bukit, kata Menteri berkenaan Datuk Ong Ka Ting hari ini.

Beliau berkata persetujuan itu dinyatakan oleh Menteri Besar dan Ketua Menteri pada mesyuarat mereka semalam yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mesyuarat itu dihadiri semua ketua menteri dan menteri besar kecuali Kelantan dan Terengganu.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Hari Kualiti Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia di sini, beliau berkata kertas cadangan itu mentakrifkan kawasan tanah tinggi adalah pada paras melebihi 150 Mmeter dari aras laut manakala lereng bukit ditakrifkan sebagai kawasan yang mempunyai kecerunan melebihi 25 darjah.

Selain itu, katanya kerajaan negeri juga bersetuju menyeragamkan mekanisme pemantauan projek pembangunan di tanah tinggi dan lereng bukit yang dijalankan oleh jawatankuasa yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri berkenaan.

Katanya sebarang projek pembangunan yang dirangkumi dalam kedua-dua takrifan itu perlu mematuhi mekanisme yang ditetapkan, dengan pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa di negeri berkenaan akan menjadi urusetia bagi menasihati jawatankuasa itu dalam meneliti setiap permohonan yang dikemukakan.

Ong berkata jika terdapat projek yang berisiko tinggi ia perlu mendapat perakuan daripada Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa di peringkat pusat sebelum diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan.

Beliau berkata Ketua Pengarah akan terlebih dahulu meminta nasihat teknikal serta pendapat pakar mengenai kedudukan sesuatu projek yang dianggap berisiko tinggi itu sebelum membuat sebarang perakuan.

Mengenai tarikh penyeragaman itu, Ong berkata ia terserah kepada kerajaan negeri. Bagaimanapun beliau berharap ia akan diguna-pakai secepat mungkin memandangkan ketua-ketua kerajaan negeri yang menghadiri mesyuarat itu sudah menyetujuinya.

Terdahulu, beliau mengucapkan tahniah atas kejayaan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa memperolehi persijilan MS ISO 9000 dan berharap ini akan mendorong semua pegawai serta kakitangan menjalankan tugas dengan lebih cemerlang.

-- BERNAMA

AKT ZS NMO